

15 OCT 2003

RAFIDAH-APEC

RAFIDAH KETUAI DELEGASI MSIA KE MESYUARAT MENTERI APEC DI BANGKOK

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Peringkat Menteri APEC ke-15 minggu ini di Bangkok, yang antara lain akan melaksanakan aktiviti-aktiviti kumpulan serantau itu untuk mencapai hasil yang meluas.

Beliau akan berlepas ke Bangkok esok bagi menghadiri mesyuarat dari 17-18 Okt, 2003 itu.

Selepas itu, beliau akan mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menghadiri Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC pada 20-21 Okt, 2003.

Ekonomi APEC terdiri daripada Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Rusia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

"Fokus utama Malaysia di dalam APEC ialah mengenai inisiatif untuk membantu mendapatkan perdagangan, pembinaan sumber manusia dan ekonomi serta kerjasama teknikal bagi penyertaan lebih berkesan dalam sistem perdagangan multilateral serta bagi berkongsi kemamuran di rantau Asia Pasifik," kata kementerian itu dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Delegasi 18 orang itu terdiri daripada para pegawai MITI, Kementerian Luar, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kesihatan, Kewangan serta Bank Negara Malaysia.

Mesyuarat tahun lepas dianjurkan oleh Mexico.

Thailand, yang mengengeruskan APEC 2003, menetapkan tema "A World of Differences: Partnership for the Future" untuk menggambarkan keupayaan kepelbagaian keanggotaan APEC untuk bekerjasama bagi pembangunan ekonomi secara bersama.

Mesyuarat peringkat menteri itu akan mengkaji semula pelaksanaan inisiatif APEC yang sedang dilaksanakan dan menetapkan kerangka aktiviti 2004.

Inisiatif APEC yang sedang dilaksanakan dalam 2003 termasuk:

- * Memasukkan standard ketelusan ke dalam peraturan, undang-undang dan prosedur pentadbiran di dalam bidang seperti pelaburan, harta intelek dan prosedur Kastam.

- * Meningkatkan aktiviti fasilitasi perdagangan dalam bidang prosedur kastam, e-dagang, standard teknikal dan mobiliti perniagaan untuk mengurangkan kos urus niaga sebanyak lima peratus pada tahun 2006.

- * Meningkatkan pembukaan pasaran bagi barangan dan perkhidmatan digital menerusi bidang-bidang seperti pemansuhan tarif, liberalisasi perkhidmatan dan perlindungan hak intelek khususnya dalam menangani cetak rompak cakera optik.

- * Meningkatkan kerjasama dan pembangunan keupayaan bagi mengukuhkan lagi keselamatan pelabuhan, lapangan terbang dan mobiliti perniagaan terhadap tindakan keganasan untuk mempermudah pergerakan barangan dan perkhidmatan di sempadan; dan

- * Mengukuhkan lagi sistem perdagangan pelbagai hala menerusi program pembangunan keupayaan dan keyakinan WTO bagi menyokong Agenda Pembangunan Doha.

Kementerian itu menyatakan menteri-menteri akan membincangkan inisiatif baru 2003 yang akan dilaksanakan pada tahun 2004 dan ia termasuk;

- * Program kerja untuk menyokong rundingan WTO pasca-Cancun;

* Pelan Perlaksanaan bagi Inisiatif Keselamatan Tenaga yang menekankan kepada pertukaran maklumat, mekanisma tindak balas kecemasan, pengemaskinian data minyak dan keselamatan bekalan tenaga.

* Pelan Tindakan Pembaharuan Struktural yang menekan kepada pembangunan keupayaan di dalam bidang-bidang seperti dasar persaingan, undang-undang komersial, deregulasi dan urus tadbir korporat.

* Panduan Keselamatan Rangkaian bekalan Sektor Swasta merangkumi bidang-bidang seperti keselamatan fizikal dan kawalan masuk premis, keselamatan prosedur dan dokumentasi serta pengurusan krisis.

* Kemajuan di dalam melaksanakan pelan Tindakan SARS bagi mengembalikan keyakinan peniaga dan meningkatkan kesediaan di dalam menangani kemungkinan penularan semula SARS.

* Pembaharuan APEC bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti APEC untuk mencapai hasil yang lebih fokus dan substantif dan APEC terus relevan di dalam ekonomi global.

Kementerian itu turut menyatakan bahawa Malaysia telah terlibat secara aktif di dalam perbincangan APEC sepanjang tahun bagi memastikan inisiatif-inisiatif, sasaran-sasaran dan tarikh-tarikh akhir yang telah dipersetujui adalah realistik, praktikal dan mengambilkira prinsip-prinsip fleksibiliti serta perlaksanaan sebaik mungkin yang menjadi asas perbincangan dan kerjasama APEC.

-- BERNAMA

MR MSL AHM